

# Hartanah baharu RM1.9b pacu jualan Matrix Concepts



Syarikat dijangka raih hasil teguh untuk dua tahun akan datang

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Momentum jualan Matrix Concepts Holdings Bhd dijangka mantap disokong pelancaran harta baharu yang kukuh berjumlah RM1.9 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac

2024, meningkat 48.1 peratus berbanding RM1.28 bilion pada tahun kewangan 2023, kata penganalisis.

BIMB Securities Research berkata, pemaju harta itu mencatatkan jualan pada suku kedua tahun kewangan 2024 sebanyak RM310.8 juta, menjadikan jualan separuh pertama bagi tahun kewangan dikaji kepada RM616.1 juta.

Katanya, jualan yang dicatatkan itu merangkumi 47.4 peratus daripada sasaran jualan bagi keseluruhan tahun kewangan 2024 sebanyak RM1.3 bilion.

"Pada suku kedua tahun kewangan 2024, kumpulan itu me-

lancarkan projek berjumlah RM421 juta dari perbandaran Bandar Sri Sendayan, menjadikan pelancaran pada separuh pertama tahun kewangan 2024 kepada RM609 juta.

"Pada suku kedua tahun kewangan 2024, jualan tidak dibilang berada pada RM1.29 bilion. Walau bagaimanapun, pelancaran baharu dijangka meningkat pada separuh kedua tahun kewangan 2024.

"Ia membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.07 bilion untuk suku ketiga tahun kewangan 2024 dan seterusnya RM222 juta pada suku keempat tahun kewangan 2024, menyediakan

syarikat dengan keterlihatan hasil yang teguh untuk dua tahun akan datang," katanya dalam satu nota penyelidikan.

## Miliki simpanan tanah

BIMB Securities Research berkata, Matrix Concepts memiliki dua simpanan tanah perdana untuk perbandaran iaitu Bandar Sri Sendayan, meliputi lebih 2,428 hektar di Seremban, Negeri Sembilan dan Taman Seri Impian seluas 364 hektar di Kluang, Johor.

Ia berkata, pada masa ini, syarikat itu mempunyai baki 836.7 hektar simpanan tanah dengan merangkumi Negeri Sembilan sebanyak 653 hektar, Johor Bahru

(180 hektar), Kuala Lumpur (2.1 hektar), Melbourne (0.2 hektar) dan Jakarta (1.4 hektar).

Katanya, fokus utama syarikat ialah projek pembangunan di Negeri Sembilan, yang menjana 92.7 peratus daripada pendapatannya pada suku kedua tahun kewangan 2024, diikuti Lembah Klang (1.8 peratus), Australia (0.3 peratus) dan Johor (2.3 peratus).

"Kami memilih Matrix Concepts berikutan pendekatan proaktifnya dalam mencari peluang simpanan tanah secara aktif di kawasan strategik untuk diterokai yang berpotensi dan meniru kejayaan yang dilihat di perbandaran Bandar Sri Sendayan," katanya.